



ICLALIS 2013

## Kesan bahan visual dalam penulisan karangan Bahasa Melayu

Sri Kartika Rahman<sup>a\*</sup>, Mesra Adikasuma Metussin<sup>b</sup>, Suraya Tarasat<sup>c</sup>,  
Abu Bakar Madin<sup>d</sup> & Noradinah Jaidi<sup>e</sup>

<sup>a,b,c,d,e</sup>*Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, BE1410,  
Negara Brunei Darussalam*

---

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada penggunaan bahan visual dalam pengajaran penulisan karangan dapat meningkatkan pencapaian pelajar. Kajian kuasi eksperimen ini dijalankan dengan menggunakan 46 orang pelajar di sebuah sekolah menengah di Daerah Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam. Mereka dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen yang diajar secara terancang, dan kumpulan kawalan yang diajar dengan menggunakan pendekatan konvensional. Dapatan kajian telah dianalisis dengan menggunakan ujian-t. Daripada analisis yang telah dijalankan, hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min pencapaian keseluruhan penulisan karangan antara pelajar kumpulan eksperimen dan pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pasca. Min skor bagi pelajar kumpulan pasca eksperimen adalah lebih tinggi berbanding min skor kumpulan kawalan dalam ujian pasca.

© 2014 The Authors. Published by Elsevier Ltd. Open access under [CC BY-NC-ND license](https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/).  
Selection and peer-review under the responsibility of the Organizing Committee of ICLALIS 2013.

*Kata kunci:* Bahan visual; pengajaran kemahiran menulis; Bahasa Melayu; kuasi eksperimen; Brunei Darussalam.

---

### 1. Pengenalan

Literasi pada abad ini tidak terkongkong kepada kemampuan seseorang untuk membaca, menulis dan mempunyai kemahiran komputer sahaja. Cohen & Cowen (2011) menyatakan pada masa kini literasi lebih tertumpu kepada mengetahui bagaimana untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam konteks kehidupan moden. Menurut mereka lagi, selain kemahiran lisan, membaca dan menulis, pelajar perlu diberi pendedahan dan peluang dalam memahami literasi visual, teknologi dan media. Literasi visual adalah 'bahasa' dalam bentuk ikon, gambar dan lukisan. Bahan visual ini 'dibaca' oleh seseorang untuk menafsir, memahami dan mengumpul maklumat

---

\* Corresponding author: Sri Kartika Rahman Tel.: +673-2463001; fax: +673-2460561.  
E-mail address: [kartika.rahman@ubd.edu.bn](mailto:kartika.rahman@ubd.edu.bn)

mengenai bahan visual yang dipertontonkan serta menggunakan maklumat tersebut untuk menyelesaikan masalah secara efektif (Cohen & Cowen, 2011; Campbell, 2007). Integrasi bahan visual dalam pengajaran dan pembelajaran seperti gambar dapat memberikan pengaruh yang positif khususnya dalam kecekapan bahasa pelajar (Tomlinson & Masuhara, 2004). Guru yang menggunakan bahan visual mampu menggalakkan pelajar untuk berfikir, memberi pandangan dan menafsir maksud ilustrasi secara aktif (Tomlinson, 1998; Hedge, 2003).

### *1.1 Pengajaran menulis karangan dan penggunaan bahan visual*

Kemahiran menulis karangan merupakan kemahiran kognitif yang kompleks yang memerlukan penulis mengeluarkan idea, merancang dan menyiapkan teks penulisan (Che Zanariah dan Fadzilah, 2011; Faridah, Nooreiny, Raja Mohd dan Fauziah, 2001). Berdasarkan hasil kongsi sama bengkel strategi penulisan karangan bersama-sama guru-guru Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam (NBD), guru-guru bersependapat masalah utama pelajar dalam menulis karangan ialah pelajar kurang berkemampuan dalam melahirkan atau menjana idea bagi mendapatkan isi penulisan yang baik. Pendapat ini menepati dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Nadzrah, Norsimah dan Nor Hashimah (2011), mereka mendapati bahawa masalah utama pelajar dalam penulisan karangan ialah pelajar tidak dapat menghasilkan idea yang matang selaras dengan usia.

Penggunaan bahan visual dalam menulis karangan mampu membantu pelajar untuk menjana idea. Ini kerana bahan visual tersebut dapat memberikan gambaran jelas mengenai latar cerita, watak, dan kejadian yang berlaku bagi membantu pelajar menjana pemikiran yang kreatif bagi menghasilkan penulisan karangan yang baik (Flower & Hayes, 1984; Zimmerman & Risemberg, 1997). Malah hasil kajian Barbot, Randi, Tan, Levenson, Friedlaender & Grigorenko (2012) mendapati bahawa bahan visual adalah bahan stimulus pelajar untuk berfikir dan menjana idea dalam penulisan karangan. Para penyelidik menyatakan dengan penggunaan bahan visual, pelajar telah membuat satu proses pergerakan daripada satu simbol (visual) kepada satu simbol yang lain (penulisan). Hubungan ini telah melibatkan pemahaman baharu dan idea baharu ketika proses melihat bahan visual dan menulis karangan dilaksanakan oleh pelajar (Dyson, 1986; Suhor, 1984; Siegel, 2006; Barbot dll, 2012).

Kajian terhadap penggunaan bahan visual dalam penulisan karangan fakta dalam kalangan pelajar tahun 9 belum pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji di NBD tetapi kajian-kajian penggunaan gambar dalam penulisan karangan di peringkat sekolah rendah pernah dijalankan oleh Asnah (1995) dan Aisah (2006). Dalam kajian Asnah (1995), menunjukkan bahawa pengajaran karangan menggunakan gambar belum dilaksanakan dengan berkesan di bilik darjah yang diuji. Sementara kajian deskriptif yang telah dijalankan oleh Aisah (2006), juga menunjukkan penggunaan gambar tidak selalu digunakan dalam pengajaran karangan tahun 4 yang diuji. Hal ini, menyebabkan murid-murid tidak begitu mahir dalam mereka cipta karangan melalui gambar yang disediakan tetapi hasil dapatan menunjukkan sedikit peningkatan yang positif dalam meluahkan dan melahirkan perasaan, pendapat dan idea. Walau bagaimanapun, sesetengah murid tidak menyukai karangan yang menggunakan gambar dan menganggap karangan jenis bergambar susah untuk dipelajari.

Mendapatkan isi yang baik yang menepati dan bersesuaian dengan tajuk karangan adalah sangat penting. Di NBD, 45% skema pemarkahan BGCE O'LEVEL tertumpu kepada isi penulisan karangan. Maka kajian ini, bertujuan untuk mengenal pasti sama ada penggunaan bahan visual dalam pengajaran penulisan karangan dapat meningkatkan pencapaian pelajar secara keseluruhan dan juga aspek isi dalam penulisan karangan.

## **2. Soalan kajian**

Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan yang berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min pencapaiankeseluruhan penulisan karangan antara pelajar kumpulan eksperimen danpelajar kumpulan kawalan dalam ujian pra?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min pencapaiankeseluruhan penulisan karangan pelajar kumpulan eksperimen dalam ujian pradan pasca?
3. Adakah terdapat perbezaan terhadap skor min pencapaian keseluruhanpenulisan karangan pelajar kumpulan kumpulan kawalan dalam ujian pra danpasca?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min pencapaian dalam aspek isi penulisan karangan antara pelajar kumpulan eksperimen dan pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pasca?

5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min pencapaiandalam aspek isi penulisan karangan antara pelajar kumpulan eksperimen danpelajar kumpulam kawalan dalam ujian pasca?

### 3. Metodologi kajian

#### 3.1 Reka bentuk kajian

Dalam kajian ini, pengkaji melaksanakan kuasi eksperimen dengan tujuan untuk menilai penggunaan bahan visual dalam pengajaran penulisan karangan. Menurut Mohamad Najib (1999), kajian menggunakan kaedah eksperimen dapat menerangkan dengan lebih jelas sesuatu fenomena yang bersabit dengan punca dan akibat dan dapat mengawal kesan pemboleh ubah luar. Pengkaji menggunakan kaedah kuasi eksperimen berdasarkan rekabentuk ujian pra dan pasca yang diadaptasi dari Sidek Mohd Noah (2002). Melalui reka bentuk ini, pengkaji memberikan rawatan kepada dua kumpulan pelajar iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Kumpulan kawalan didedahkan dengan pengajaran kaedah konvensional, manakala kumpulan ekperimen didedahkan dengan menggunakan pengajaran bahan-bahan visual. Reka bentuk yang digunakan ini dapat menentukan sejauh mana perbezaan pencapaian prestasi penulisan karangan antara kedua-dua kumpulan dalam ujian pra dan pasca.

#### 3.2 Kaedah kajian

Kajian berbentuk kuasi eksperimen ini akan dilaksanakan selama enam kali pengajaran mengikut jadual yang telah ditentukan oleh pihak sekolah. Pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Sebelum pengkaji memulakan pengajaran, ujian pra yang sama akan diberikan kepada kedua-dua kumpulan (kawalan dan eksperimen) bagi mengetahui tahap penguasaan pembelajaran karangan pelajar. Selepas ujian pra ini baharulah kedua-dua kumpulan menerima rawatan mengikut pendekatan yang berbeza-beza iaitu kumpulan eksperimen diajarkan penulisan karangan jenis fakta menggunakan bahan visual. Manakala, kumpulan kawalan diajarkan dengan pendekatan konvensional. Setelah menerima rawatan, kedua-dua kumpulan pelajar ini diberi ujian pasca dengan tujuan untuk menilai sejauh mana kesan kedua-dua pendekatan ini terhadap kemahiran menulis karangan pelajar. Pendekatan penggunaan bahan-bahan visual dan pendekatan konvensional adalah pembolehubah kajian bebas, manakala, pencapaian penulisan karangan merupakan pembolehubah bersandar kajian ini.

#### 3.3 Sampel kajian dan tempat kajian

Sampel kajian terdiri daripada 46 orang pelajar dari sekolah X, di daerah Belait. Sekolah menengah ini dipilih berdasarkan fakta bahawa sekolah menengah berkenaan memenuhi segala tuntutan, keperluan dan kehendak kajian (Sidek Noah, 2011, hlm.163). Dua buah kelas terlibat dalam kajian ini iaitu kelas 1 dan kelas 2. Kelas 1 merupakan pelajar kumpulan eksperimen yang mengandungi seramai 25 orang pelajar. Kelas ini akan diajarkan penulisan karangan menggunakan bahan visual. Manakala kelas 2 pula merupakan pelajar kumpulan kawalan yang mengandungi seramai 21 orang pelajar. Kelas ini akan diajarkan penulisan karangan secara konvensional. Jadual 1 menunjukkan jumlah pelajar yang terlibat dalam kajian ini mengikut kumpulan dan jantina seperti berikut:

Jadual 1: Jumlah subjek kajian mengikut sekolah dan kelas

Sekolah	Kelas	Kumpulan	Pelajar lelaki	Pelajar perempuan	Jumlah pelajar
X	1	Kawalan	15	10	25orang
	2	Eksperimen	12	9	21orang

### 3.4 Instrumen kajian

Dalam kajian ini, instrument-instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data ialah iaitu ujian pra dan pasca, persediaan mengajar dan bahan-bahan visual. Alat-alat kajian itu akan dihuraikan seperti berikut:

- **Ujian**  
Ujian karangan dibuat sebanyak dua kali iaitu ujian pra dan ujian pasca. Ujian yang digunakan dalam ujian pra dan pasca ini diambil daripada soalan-soalan BGCE 'O' Level. Dalam ujian pra, satu set soalan akan disediakan dan diberikan kepada pelajar kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Begitu juga dalam ujian pasca, satu set soalan akan diberikan kepada kedua-dua kumpulan pelajar tersebut. Soalan ujian pra dan soalan ujian pasca adalah sama dan masa yang diberikan untuk menjawab soalan ini ialah 1 jam 30 minit selaras dengan peruntukan masa dalam peperiksaan BGCE O'Level bagi kertas Bahasa Melayu 1. Soalan-soalan ujian ini telah dibincangkan bersama Ketua Jabatan Bahasa Melayu sekolah X tersebut.
- **Persediaan mengajar**  
Sebanyak 12 set persediaan mengajar disediakan dalam kajian ini iaitu enam set untuk kumpulan eksperimen dan 6 set untuk kumpulan kawalan. Untuk memastikan kesahan persediaan mengajar ini, persediaan mengajar tersebut telah disemak oleh ketua Jabatan Bahasa Melayu dan seorang guru Bahasa Melayu di sekolah yang terlibat dalam kajian ini.
- **Bahan Visual**  
Bahan visual yang digunakan ialah beberapa keping gambar berwarna. Dalam setiap pengajaran akan disediakan lima keping bahan visual yang berbeza untuk dibincangkan bagi membantu pelajar-pelajar mengeluarkan dan mengembangkan idea mereka. Bahan tersebut berbentuk gambar statik, berwarna dan berukuran 5R.

### 3.5 Analisis Data

Data yang diperolehi daripada ujian pra dan pasca dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 20.0. Dua jenis analisis digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini iaitu taburan kekerapan dan analisis inferens. Analisis taburan kekerapan digunakan untuk melihat taburan pencapaian skor min pelajar-pelajar dalam kumpulan eksperimen serta pelajar dalam kumpulan kawalan dalam ujian pra dan pasca. Manakala, analisis inferens yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian t-tak bersandar dan ujian-t berpasangan.

## 4. Dapatan kajian dan perbincangan

Berikut akan dihuraikan hasil dapatan kajian:

**Soalan kajian 1: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min pencapaian keseluruhan penulisan karangan antara pelajar kumpulan eksperimen dan pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pra?**

Jadual 2 di bawah menunjukkan skor min dan sisihan piawai pencapaian keseluruhan penulisan karangan jenis fakta analisa pelajar kumpulan eksperimen dan pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pra. Daripada jadual ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar bagi kedua-dua kumpulan ini tidak jauh berbeza. Ini dapat dilihat pada skor min pencapaian kedua-dua kumpulan tersebut. Skor min pencapaian pelajar kumpulan eksperimen ialah 54.90 dengan sisihan piawai 4.30. Sementara skor min pencapaian pelajar kumpulan kawalan ialah 55.98 dengan sisihan piawai 5.71.

Jadual 2: Min sisihan piawaian dan ujian-t tak bersandar pencapaian penulisan karangan antara pelajar kumpulan eksperimen dan pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pra.

Kumpulan	N	Min	Sisihan piawai	Nilai-t	Tahap signifikan
Kumpulan eksperimen	25	54.90	4.30	0.728	0.470
Kumpulan kawalan	21	55.98	5.71		

Apabila ujian-t ditafsirkan ke atas kedua-dua kumpulan pelajar, jadual 2 di atas menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan (aras 0.05) antara skor min pencapaian keseluruhan pelajar kumpulan yang diajar dengan menggunakan bahan visual dan skor min pencapaian keseluruhan pelajar kumpulan yang diajarkan dengan kaedah konvensional. Nilai-*t* bagi kedua-dua kumpulan pelajar ialah 0.728,  $p > 0.05$ . Ini bermakna, pelajar kedua-dua kumpulan ini mempunyai tahap pencapaian yang sama sebelum mereka diberi rawatan.

**Soalan kajian 2: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min pencapaian keseluruhan penulisan karangan pelajar kumpulan eksperimen dalam ujian pra dan pasca?**

Bagi mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min pencapaian keseluruhan penulisan karangan pelajar kumpulan eksperimen dalam ujian pra dan pasca, analisis ujian-*t* berpasangan dilakukan. Analisis dapatan kajian dinyatakan dalam jadual 3:

Jadual 3: Min sisihan piawaian dan ujian-t sampel berpasangan bagi skor min pencapaian penulisan karangan pelajar kumpulan eksperimen dalam ujian pra dan pasca.

Kumpulan kawalan	Bil	Min	Sisihan piawai	Nilai-t	Tahap signifikan
Pra	25	54.90	4.30	13.41	0.00
Pasca	25	64.44	5.17		
Pra-Pasca	25	9.54	3.56		

Berdasarkan jadual 3, skor min pencapaian yang diperolehi oleh kumpulan eksperimen dari segi markah keseluruhan ketika ujian pra ialah 54.90, sisihan piawaian ialah 4.30. Manakala, ketika ujian pasca skor min pencapaian ialah 64.44 dengan sisihan piawaian 5.17. Perbezaan skor min antara kedua-dua ujian ialah sebanyak 9.54.

Analisis ujian-*t* sampel berpasangan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min pencapaian keseluruhan penulisan karangan pelajar kumpulan eksperimen dalam ujian pra dan pasca. Apabila ujian-*t* ditafsirkan, jadual 3 di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan (aras 0.05) antara skor min pencapaian keseluruhan pelajar kumpulan eksperimen yang diajar dengan menggunakan bahan visual dalam ujian pra dan pasca. Nilai-*t* bagi pelajar kumpulan eksperimen dalam ujian pra dan pasca ialah 13.41,  $p < 0.05$ . Ini bermakna, pelajar kumpulan eksperimen ini mempunyai tahap pencapaian yang signifikan selepas mereka diberi rawatan.

**Soalan kajian 3: Adakah terdapat perbezaan terhadap skor min pencapaian keseluruhan penulisan karangan pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pra dan pasca?**

Bagi mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min pencapaian keseluruhan penulisan karangan pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pra dan pasca, analisis ujian-*t* berpasangan dilakukan. Analisis dapatan kajian dinyatakan dalam jadual 4:

Jadual 4: Min sisihan piawai dan ujian-t sampel berpasangan bagi skor min pencapaian keseluruhan penulisan karangan pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pra dan pasca.

Kumpulan kawalan	Bil	Min	Sisihan piawai	Nilai-t	Tahap signifikan
Pra	21	55.98	5.71	5.30	0.00
Pasca	21	57.90	5.72		
Pra-Pasca	21	1.92	1.67		

Berdasarkan jadual 4, skor min pencapaian yang diperolehi oleh kumpulan kawalan dari segi markah keseluruhan ketika ujian pra ialah 55.98 dengan sisihan piawai ialah 5.71. Skor min markah keseluruhan dalam ujian pasca ialah 57.90 dengan sisihan piawai 5.72. Perbezaan skor min antara kedua-dua ujian bagi kumpulan kawalan ialah sebanyak 1.92. Analisis ujian-*t* sampel berpasangan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min pencapaian keseluruhan penulisan karangan pelajar kumpulan eksperimen dalam ujian pra dan pasca.

Apabila ujian-*t* ditafsirkan, jadual 4 di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan (aras 0.05) antara skor min pencapaian keseluruhan pelajar kumpulan eksperimen yang diajar dengan menggunakan bahan visual dalam ujian pra dan pasca. Nilai-*t* bagi kedua-dua kumpulan pelajar ialah 5.30,  $p < 0.05$ . Ini bermakna, pelajar kumpulan kawalan ini mempunyai tahap pencapaian yang signifikan selepas mereka diberi rawatan.

#### **Soalan kajian 4: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min pencapaian dalam aspek isi penulisan karangan antara pelajar kumpulan eksperimen dan pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pasca?**

Jadual 5 di bawah menunjukkan pencapaian skor min dan sisihan piawai pencapaian dalam aspek isi penulisan karangan antara pelajar kumpulan eksperimen dan pelajar kumpulan dalam ujian pasca. Daripada jadual ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar bagi kedua-dua kumpulan ini menunjukkan perbezaan yang ketara. Ini dapat dilihat pada skor min pencapaian kedua-dua kumpulan tersebut. Skor min pencapaian pelajar kumpulan eksperimen ialah 72.09 dengan sisihan piawai 8.18. Sementara skor min pencapaian pelajar kumpulan kawalan ialah 61.38 dengan sisihan piawai 8.63. Ini bermakna pelajar kumpulan eksperimen lebih berkebolehan dalam memberikan isi-isi yang berkaitan dengan tajuk-tajuk karangan berbanding dengan pelajar kumpulan kawalan.

Jadual 5: Ujian-t tak bersandar bagi perbezaan skor min pencapaian dalam aspek isi penulisan karangan antara pelajar kumpulan eksperimen dan pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pasca

Kumpulan	N	Min	Sisihan piawai	Nilai-t	Tahap signifikan
Kumpulan eksperimen	25	72.09	8.18	4.316	0.00
Kumpulan kawalan	21	61.38	8.63		

Jika dilihat pada keputusan, ujian-*t* menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada aras 0.05 antara skor min pencapaian dalam aspek isi karangan pelajar kumpulan eksperimen dengan skor min pencapaian pelajar kumpulan kawalan dengan nilai-*t* iaitu 4.316,  $p < 0.05$ . Ini bermakna bahawa penggunaan bahan visual dapat membantu pelajar untuk memberikan lebih banyak isi dalam penulisan mereka.

Dapatan kajian ini selaras dengan satu kajian eksperimen yang dijalankan oleh beberapa orang pengkaji Keller, Gerjets, Scheiter dan Garsoffky (2006) yang juga telah membuktikan bahawa maklumat visual boleh memupuk pemerolehan pengetahuan. Munadi (2008) menyatakan bahawa penggunaan gambar memudahkan mencari idea atau informasi. Selain itu, hasil dapatan kajian Norashikin (2006) juga menunjukkan bahawa penggunaan gambar sebagai alat bantu mengajar dalam pengajaran guru boleh melatih murid-murid untuk meluahkan atau melahirkan perasaan, pendapat dan juga idea secara bebas. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Stokes (1997). Dalam kajiannya, penggunaan visual dalam pengajaran dapat membantu keupayaan mentafsir serta menjana idea dan konsep.

### Soalan kajian 5: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min pencapaian keseluruhan penulisan karangan antara pelajar kumpulan eksperimen dan pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pasca?

Jadual 6 di bawah menunjukkan skor min dan sisihan piawai pencapaian keseluruhan penulisan karangan antara pelajar kumpulan eksperimen dan pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pasca. Daripada jadual ini menunjukkan bahawa skor min pelajar kumpulan eksperimen ialah 64.44 dengan sisihan piawai 5.16. Sementara skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 57.90 dengan sisihan piawai 5.72. Ini bermakna tahap pencapaian keseluruhan penulisan karangan antara pelajar kumpulan eksperimen dan pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pasca menunjukkan peningkatan.

Jadual 6: Ujian-t tak bersandar bagi min perbezaan pencapaian keseluruhan penulisan karangan antara pelajar kumpulan eksperimen dan pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pasca.

Kumpulan	N	Min	Sisihan piawai	Nilai-t	Tahap signifikan
Kumpulan eksperimen	25	64.44	5.16	4.074	0.00
Kumpulan kawalan	21	57.90	5.72		

Analisis ujian-t bagi ujian pasca dengan nilai  $t(46) = 4.074$ ,  $p < 0.05$ . Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min pencapaian penulisan karangan yang signifikan antara skor kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Keputusan ini juga membuktikan terdapatnya peningkatan prestasi pencapaian pelajar dari kumpulan eksperimen setelah enam kali proses rawatan dijalankan.

Hasil dapatan ini juga sependapat dengan Youra (2009), beliau menjalankan projek penulisan dan fotografi dan mendapati bahawa fotografi mendorong pelajar-pelajar meneroka kemungkinan yang baru dalam penulisan. Duzgun (2002), menjelaskan melalui hasil dapatan kajian beliau bahawa bahan-bahan visual dapat menyampaikan maklumat daripada menulis berpuluh-puluh keping muka surat, malahan mencapai matlamat dalam masa yang singkat. Ini bererti penggunaan bahan visual bukan sahaja meningkatkan kemahiran menulis pelajar tetapi juga dapat membantu mencari pelbagai maklumat atau informasi.

Walau bagaimanapun, kajian ini adalah terhad kepada jumlah sampel yang sedikit. Maka kajian selanjutnya dengan jumlah sampel yang lebih besar dan pelbagai adalah diperlukan bagi mendapatkan generalisasi kepada populasi sebenar. Kajian tambahan untuk mengukur ujian penulisan karangan juga diperlukan (*benchmark*). Ini kerana aspek-aspek dalam pemarkahan penulisan karangan dinilai secara subjektif. Setakat ini, belum ada *benchmark* atau standard pengukuran yang jelas untuk mengukur aras atau tahap penulisan karangan yang baik untuk dijadikan panduan oleh pengkaji dan juga para guru.

## 5. Kesimpulan

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat kesan penggunaan bahan visual terhadap pencapaian keseluruhan dan aspek isi dalam penulisan karangan terhadap pelajar kumpulan eksperimen. Kajian dijalankan ke atas 26 orang pelajar dari tahun 9. Kesan penggunaan bahan visual dilihat menerusi perbezaan yang ketara terhadap skor min pencapaian penulisan karangan pelajar eksperimen dalam ujian pra dan pasca, terutama dari segi markah keseluruhan dan aspek isi karangan.

Dari segi pencapaian keseluruhan penulisan karangan antara pelajar kumpulan eksperimen dan pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pra tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Nilai- $t$  bagi kedua-dua kumpulan pelajar ialah 0.728,  $p < 0.05$ . Oleh yang demikian, pelajar kedua-dua kumpulan ini mempunyai tahap pencapaian yang sama sebelum mereka diberi rawatan.

Dari segi pencapaian penulisan karangan pelajar kumpulan eksperimen dalam ujian pra dan pasca menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min pelajar dengan nilai- $t$  13.41,  $p < 0.05$ . Hal ini menunjukkan bahawa pencapaian penulisan karangan pelajar kumpulan eksperimen dalam ujian pra dan pasca menunjukkan peningkatan setelah diberikan rawatan dengan menggunakan bahan visual. Kamarudin (2001), menyatakan bahawa proses persediaan menulis datangnya daripada pengalaman, benda, gambar, perbincangan atau sesuatu yang

menimbulkan minat. Ini bermakna bahan-bahan pengajaran adalah memainkan salah satu peranan yang penting asalkan bersesuaian dengan tajuk yang diajarkan.

Selain itu, dari segi pencapaian keseluruhan penulisan karangan pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pra dan pasca menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam kedua-dua ujian. Nilai-*t* bagi pelajar kumpulan kawalan ialah 5.30,  $p < 0.05$ . Ini bermakna nilai-*t* ditafsirkan, mempunyai tahap pencapaian yang signifikan selepas mereka diberi rawatan dengan menggunakan pendekatan konvensional. Walau bagaimanapun, perbezaan skor min hanyalah sebanyak 1.92 sahaja berbanding dengan skor min pelajar kumpulan eksperimen yang mengikuti pengajaran menggunakan bahan visual dalam ujian pra dan pasca dengan skor min sebanyak 9.54.

Dari segi aspek isi penulisan karangan pula, pencapaian skor min antara pelajar kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pasca menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan,  $t(46) = 4.3161$ ,  $p < 0.05$ . Hal ini menunjukkan bahawa pencapaian bagi sampel kumpulan eksperimen yang diajar dengan menggunakan bahan visual adalah lebih tinggi berbanding dengan sampel kumpulan kawalan yang hanya diajar dengan menggunakan kaedah konvensional. Ini bererti pendekatan yang digunakan dengan menggunakan bahan visual dapat membantu memberikan kesan yang positif kepada pelajar kumpulan eksperimen.

Dari segi markah keseluruhan, pencapaian skor min antara pelajar kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pasca menunjukkan perbezaan yang signifikan,  $t(46) = 4.074$ ,  $p > 0.05$ . Hal ini menunjukkan bahawa pencapaian bagi sampel kumpulan eksperimen yang diajar dengan menggunakan bahan visual adalah lebih tinggi berbanding dengan sampel kumpulan kawalan yang hanya diajar dengan menggunakan kaedah konvensional. Ini bermakna penggunaan bahan visual dapat meningkatkan penulisan karangan pelajar kumpulan eksperimen tetapi tidak kepada pelajar kumpulan kawalan yang diajarkan dengan pendekatan konvensional sahaja. Maka penggunaan bahan visual dapat membantu pelajar-pelajar yang diuji dalam melahirkan idea untuk mendapatkan isi karangan jenis fakta yang baik dan membantu meningkatkan pencapaian penulisan karangan pelajar-pelajar tersebut.

## Rujukan

- Aisah Hj. Murah. (2006). Penggunaan gambar dalam penulisan karangan di kalangan murid- murid darjah V: Satu tinjauan di dua buah sekolah rendah di mukim pengkalan batu. Latihan Ilmiah, Universiti Brunei Darussalam.
- Asnah binti Hj. Baha. (1995). Pengajaran karangan bergambar di kalangan murid-murid Darjah IV di Sekolah Rendah Sengkurong Brunei III. Latihan Ilmiah. Universiti Brunei Darussalam.
- Cohen, V. L. & Cowen, J. E. (2011). *Literacy for Children in an Information Age: Teaching Reading, Writing and Thinking*. Wadsworth. Belmont.
- Barbot, B., Randi, J., Tan, M., Levenson, C., Friedlaender, L. & Grigorenko, E. L. (2012). From perception to creative writing; A multi-method pilot study of visual literacy instructional approach. *Learning and Individual Differences*. Diperoleh pada 3 September 2012 daripada <http://dx.doi.org/10.1016/j.lindif.2012.09.003>
- Che Zanariah & Fadzilah Abd.Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran Menulis di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 67, Vol. 1, Bil. 1 (Mei 2011): 67-87.
- Dyson, A. H. (1986). Transitions and tensions: Interrelationships between the drawing, talking, and dictating of young children. *Research in the Teaching of English*, 20(4), 379–409.
- Faridah Serajul Hak, Nooreiny Maarof, Raja Mohd & Fauziah Raja Musa. (2001). Masalah penulisan naratif di kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan*, 27, 3-26.
- Hedge, T. (2003) *Teaching and Learning in the Language Classroom*. Oxford: Oxford University.
- Kamarudin Hj.Husin. (2001). *Pedagogi Bahasa: Perkaedahan*. Selangor : Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Keller, T., Gerjets, P., Scheiter, K., Garsoffky, B. (2006). Information visualizations for knowledge acquisition: The impact of dimensionality and color coding. Volume 22, Issue 1, January 2006, Pages 43–65. German: Universiti Tuebingen.
- Mohd. Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muniadi, Y. (2008). *Media Pembelajaran: Sebuah Pendekatan Baru*. Jakarta: Gung Persada. Press.
- Nadzrah Abu Bakar, Norsimah Mat Awal & Nor Hashimah Jalaludin. (2011). Writing proficiency of upper secondary school students. Diperoleh pada 15 April 2012 daripada <http://pkukmweb.ukm.my/solls/09/Proceeding/PDF/Nadzrah.pdf>.
- Norashikin binti Awg. Hj. Puasa. (2006). Penggunaan alat bantu mengajar berbentuk gambar dalam pengajaran karangan di sekolah rendah kapok dan sekolah rendah St.George. Latihan Ilmiah. Universiti Brunei Darussalam.
- Savignon, S. J. (2007). Beyond communicative language teaching: What's ahead? *Journal of Pragmatics*, 39, 207-220.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah Teori dan Praktis*. Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Siegel, M. (2006). Rereading the signs: Multimodal transformations in the field of literacy education. *Language Arts*, 84(1), 65–77.
- Stokes, S. (1997). Visual Literacy in Teaching and Learning: A Literature Perspective. *Elektrik Jurnal Integrasi Teknologi dalam Pendidikan*. Troy State University 1997.
- Suhor, C. (1984). Towards a semiotic-based curriculum. *Journal of Curriculum Studies*, 16, 247–257.



- Tomlinson, B. (1998) Seeing what they mean: helping L2 readers to visualize. In B. Tomlinson (eds.), *Materials Development in Language Teaching* (pp. 265-278). Cambridge: Cambridge University Press.
- Tomlinson, B. and Masuhara, H. (2004) *Developing Language Course Materials*. Singapore: SEAMEO Regional Language Centre.
- Youra, S., (2009). Writing to photography to writing. Diperoleh pada 24 November 2012 daripada <http://www.kodak.com/global/en/consumer/education/>
- Zimmerman, B. J., & Risemberg, R. (1997). Becoming a self-regulated writer: A social cognitive perspective. *Contemporary Educational Psychology*, 22, 73–101.